

# Nelayan Pahang, Kelantan ceroboh perairan Terengganu

UM 18/3/2023 MS: 32

**KEMAMAN:** Kerajaan negeri Terengganu akan mengadakan perbincangan dengan dua negeri jiran iaitu Pahang dan Kelantan mengenai isu pencerobohan bot pukut tunda di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perdagangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, pihaknya memandang serius isu pencerobohan pukut tunda yang bukan hanya merosakkan aktiviti tangkapan milik nelayan seperti bubu, malah turut merosakkan unjam dan menjejaskan ekosistem marin lautan di negeri ini.

“Biasanya, nelayan dari negeri jiran ini didapati bukan

hanya menceroboh dan menggunakan pukut tunda di bawah 12 batu nautika, malah ada bot nelayan yang menceroboh pada jarak tiga hingga lima batu nautika yang khusus untuk nelayan pantai.

“Perairan negeri ini menjadi tarikan kerana kaya dengan ikan berikutan banyak kawasan pembiakan ikan dan terdapat 13 pulau yang menjadi lokasi pembiakan ikan,” katanya selepas merasmikan Program Kesedaran Penyuh Tahun 2023 di Pantai Teluk Mak Nik, di sini semalam.

Dr. Azman berkata, pencerobohan pukut tunda berlaku sepanjang tahun dan paling banyak

pencerobohan dilakukan ketika musim tengkujuh berikutan ikan yang berkualiti tinggi di tengah laut akan menghampiri kawasan pantai untuk bertelur.

“Kita memandang serius isu ini yang boleh menjejaskan mata pencarian nelayan dan perbincangan antara tiga negeri akan dilakukan dalam masa terdekat,” katanya.

Menurutnya, dalam kes terbaru, tiga buah bot pukut tunda yang berpangkalan di Pahang yang dikendalikan kru warga asing, berjaya ditahan ketika sedang melakukan aktiviti menangkap ikan pada jarak kurang lima hingga tujuh batu nautika dari Pulau Kapas.